

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
NEGERI KELANTAN



NOTIS SEBUTHARGA

NO. SEBUT HARGA : JPS/KN/GM/PPPP/SH/01/2026(P)
TAJUK : KERJA-KERJA PEMBINAAN DENAI SUNGAI KEBANGSAAN SUNGAI
KETIL, GUA MUSANG, KELANTAN.

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB) dan mempunyai perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) di bawah bidang berikut:

GRED : G2
KATEGORI : CE (Pembinaan Kejuruteraan Awam)
PENGKHUSUSAN : CE 21 (Kerja-kerja Am Kejuruteraan Awam)

2. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Petender hendaklah kemukakan Sijil Pendaftaran **ASAL** CIDB (Perakuan Pendaftaran Kontraktor & Sijil Perolehan Kerja Kerajaan) & PPK (Sijil Taraf Bumiputera), SSM (Sijil Pendaftaran Syarikat) dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC). Taklimat akan diadakan sepertimana berikut :

Tarikh : 01 April 2026 (Rabu)
Masa : 8.45 pagi – 10.00 pagi (Pendaftaran)
10.00 pagi (Jangkaan Taklimat)
Tempat : Pejabat JPS Jajahan Gua Musang
(Perhatian : Semasa menghadiri lawatan tapak, kontraktor tidak dibenarkan menghantar wakil)

3. Hanya penama syarikat di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) / Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja boleh menghadiri taklimat Sebut Harga dan lawatan tapak.
4. Segala maklumat dan dokumen Sebutharga boleh didapati semasa waktu pejabat di Jabatan Pengairan Dan Saliran Jajahan Gua Musang mulai 01 April 2026 (Rabu) hingga 08 April 2026 (Rabu).
5. Dokumen Sebutharga kerja hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor / penama syarikat yang membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** (PPK dan SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB).
6. Kontraktor yang ingin memasuki Sebut Harga di atas adalah dikehendaki mengeluarkan **Wang Tunai / Wang Kiriman Pos** berharga **RM 50.00** (Ringgit Malaysia : **Lima Puluh Sahaja**) yang dibuat atas nama **Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan** sebagai bayaran dokumen Sebutharga.
7. Sebutharga ini akan ditutup pada **08 April 2026 (Rabu)**. Dokumen Sebutharga dalam bentuk (salinan cetak) yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Jabatan Pengairan dan Saliran Jajahan Gua Musang** tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari** pada hari tersebut.

Saya yang menjalankan amanah,

Tandatangan : MOHD SYAWAL AMRI BIN MUHAMAD
Jawatan : Ketua Penolong Jurutera
Tarikh : Jabatan Pengairan Dan Saliran
Jajahan Gua Musang, Kelantan